

Headline	<b>FRIM hulur RM5 000 bantu mangsa tsunami Jepun</b>
Date	<b>27 Apr 2011</b>
MediaTitle	<b>Harian Metro</b>
Section	<b>Setempat</b>
Journalist	<b>N/A</b>
Frequency	<b>Daily</b>
Circ / Read	<b>324,097 / 1,981,000</b>

Language	<b>Malay</b>
Page No	<b>8</b>
Article Size	<b>189 cm<sup>2</sup></b>
Color	<b>Full Color</b>
ADValue	<b>5,435</b>
PRValue	<b>16,305</b>



# FRIM hulur RM5,000 bantu mangsa tsunami Jepun

KUALA LUMPUR: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), semalam menyerahkan sumbangan cek RM5,000 kepada Tabung Bencana The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP)-Media Prima bagi membantu mangsa gempa bumi dan tsunami yang melanda di Jepun.

Pengarah Bahagian Sumber Manusia FRIM, Wan Rahmah Wan A Raof ber�ata, sumbangan itu sebahagian daripada tabung kebajikan FRIM yang dilancarkan enam tahun lalu.

"Seramai 1,560 kakitangan kami menderma secara sukarela setiap bulan bagi memberi bantuan kepada memerlukan apabila berlakunya sesuatu bencana."

"Pihak kami selalu bekerjasama dengan Jepun dalam alam sekitar dan sumbangan ini menunjukkan prihatin kami dengan nasib rakyat mereka di atas tragedi yang menimpa negaranya," katanya selepas penyerahan cek di Balai Berita, semalam.

Turut hadir Ketua Komunikasi Korporat dan Pengurusan Acara NSTP, Wan Abdillah Wan Nawi.

Individu dan organisasi berminat membantu mangsa bencana boleh menyalurkan sumbangan ke nomor akaun Maybank 5141-0532-0757 dengan nama Tabung Bencana NSTP-Media Prima.

Sumbangan boleh dihantar ke Bahagian Kewangan NSTP, di Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100, Bangsar, Kuala Lumpur atas nama Tabung Bencana NSTP-Media

Prima.

Sementara itu, lima sahabat memperkenalkan diri mereka sebagai kumpulan 'Y U so Pretty' melalui 'Blackberry Messenger' (BBM), bersepakat menubuhkan

projek kebajikan 'Y U so Generous' bagi mengutip dana untuk disalurkan kepada tabung bencana ini.



SERAH...Wan Rahmah (kiri) menyerahkan cek RM5,000 kepada Wan Abdillah.